

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF HAJI AHMAD**

KAWASAN : **MERSING**

TARIKH : **23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

NO. SOALAN : **42**

YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF HAJI AHMAD [MERSING] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah Kerajaan dalam mempromosikan kereta turbo diesel yang dikatakan lebih baik berbanding kenderaan enjin petrol.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Di bawah Dasar Automotif Nasional (*National Automotive Policy – NAP*) 2014, Kerajaan mensasarkan Malaysia untuk menjadi hab segmen kenderaan bertenaga efisien atau dengan izin *Energy Efficient Vehicle* (EEV) melalui pelaburan strategik dan adaptasi teknologi tinggi untuk pasaran tempatan, serantau dan antarabangsa menjelang tahun 2020. EEV ditakrifkan sebagai kenderaan yang memenuhi spesifikasi

ditetapkan bagi penggunaan bahan bakar secara lebih efisien dan pelepasan bahas asap dan takrifan ini turut merangkumi kereta yang menggunakan enjin diesel.

Kerajaan di bawah NAP 2014 menawarkan pelbagai bentuk galakan dan insentif kepada syarikat pengeluar kenderaan EEV yang mana meliputi kenderaan diesel.

Selain itu, usaha juga sedang giat dijalankan oleh pihak Kementerian bagi memperkenalkan minyak diesel EURO5 ke pasaran Malaysia. Dengan adanya bekalan diesel EURO5 di Malaysia, aktiviti pemasangan dan pengeluaran lebih banyak kenderaan menggunakan diesel dapat digalakkan.

Beberapa syarikat pengeluar minyak telahpun memperkenalkan minyak diesel EURO5, bermula di Johor dan kini di sekitar Lembah Klang. Langkah-langkah untuk memperluaskan jualan ini ke seluruh negara turut diambil oleh syarikat-syarikat berkenaan.